

Tol tanpa henti beroperasi tahun depan

Utusan Online

8 Mac 2017 | Rabu

RKINI UTAMA POLITIK PARLIMEN WILAYAH LUAR NEGARA JENAYAH MAHKAMAH KOMUNITI NAHAS & BEN

Tol tanpa henti beroperasi tahun depan

KUALA LUMPUR 8 Mac – Sistem Aliran Tol Tanpa Henti (MLFF) yang dapat melancarkan lagi perjalanan pengguna lebuhraya dijangka beroperasi pada tahun depan.



FADILLAH YUSOF

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, sistem tersebut akan dimulakan secara berperingkat di beberapa lebuhraya sebelum dilaksanakan sepenuhnya pada 2020.

Menurutnya, projek perintis bagi sistem terbabit telah dimulakan di Taman Teknologi Malaysia (TPM) bersama syarikat swasta dengan dana daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

"Walau bagaimanapun, kami belum pasti lagi

sama ada akan menggunakan sistem terbabit tetapi ia adalah sebahagian daripada proses percubaan kami.

"Kini, kami mahu sektor swasta untuk membuat tawaran mengenai sistem terbaik yang mereka ada bagi projek ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam majlis pelancaran Tanjakan Hubungan Kuchai di persimpangan bertingkat Taman Desa, Lebuhraya Pantai Baharu (NPE) di sini, hari ini.

Iklan ditutup oleh Google

Tag Berkaitan

Masyarakat

Pengangkutan

Semasa